



Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat Siri 11/ 2024 (November 2024)

Bil	Tajuk	Tarikh
1.	<i>Childfree: Antara Sinar Iman Dan Samar Keyakinan</i>	1 November 2024M/ 29 Rabi'ulakhir 1446H
2.	Hargai Keluarga Sementara Masih Ada	8 November 2024M/ 6 Jamadilawal 1446H
3.	Berdamai Dengan Takdir	15 November 2024M/ 13 Jamadilawal 1446H
4.	Erti Hidup Pada Memberi	22 November 2024M/ 20 Jamadilawal 1446H
5.	Jihad Keringat	29 November 2024M/ 27 Jamadilawal 1446H
Khutbah Kedua		

دبىباىءى:



زكاة فولاو فينغ

دترىبىتنكن:



جابتن حال إحوال اگام اسلام فولاو فينغ

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. SS Prof Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman
(Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab
(Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Childfree:

Antara Sinar Iman dan Samar Keyakinan

1 November 2024M/ 29 Rabi'ulakhir 1446H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا مِّن قَبْلِكَ وَجَعَلْنَا لَهُم أَزْوَاجًا وَذُرِّيَّةً وَمَا كَانَ لِرَسُولٍ أَنْ يَأْتِيَ بِآيَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ لِكُلِّ أَجَلٍ كِتَابٌ ﴿٣٨﴾ يَمْحُوا اللَّهُ مَا يَشَاءُ وَيُثَبِّطُ وَعِنْدَهُ أُمُّ الْكِتَابِ ﴿٣٩﴾ سورة الرعد

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، الصَّادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ الْمَخْلُوقِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

فارا تتامو جمعة يخ دكاسيهي سكالين،

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan memanfaatkan masa yang ada untuk melakukan segala suruhan Allah dan meninggalkan larangan-Nya. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam masjid ini, tetapi masih terleka dengan urusan dunia.

KAUM MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,



Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, secara purata seorang bayi dilahirkan pada setiap minit, 49 bayi bagi setiap jam dan 1,182 bayi dilahirkan sehari pada suku tahun pertama 2023. Namun, sehingga suku tahun pertama 2024 merekodkan penurunan sebanyak 106,386 kelahiran berbanding 117,413 kelahiran pada suku tahun pertama 2023.

Tujuan utama pembentangan data ini ialah bagi membuktikan bahawa satu budaya dan pemahaman yang semakin membimbangkan sedang menular di kalangan masyarakat dewasa ini. Oleh itu, mimbar hadir bagi memberi penjelasan berkaitan isu ini melalui tajuk khutbah: **Childfree: Antara Sinar Iman dan Samar Keyakinan.**

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Childfree ialah kebebasan dan pilihan individu atau pasangan untuk tidak memiliki anak dan persetujuan ini berlaku sama ada sebelum atau semasa perkahwinan. Budaya ini telah mula menjadi kecenderungan pasangan muda di barat dan semakin mendapat perhatian dalam kalangan pasangan muda tempatan yang baharu berumahtangga.

Hakikatnya, kelahiran seorang anak itu merupakan anugerah yang tinggi nilainya daripada Allah SWT kepada hamba-Nya serta bukti kekuasaan Allah SWT . Firman Allah dalam Surah an-Nahl ayat 72:

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا وَجَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَزْوَاجِكُمْ بَنِينَ وَحَفَدَةً
وَرَزَقَكُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ أَفَبِالْبَاطِلِ يُؤْمِنُونَ وَبِنِعْمَتِ اللَّهِ هُمْ يَكْفُرُونَ ﴿٧٢﴾

Maksudnya: “Dan Allah menjadikan bagi kamu daripada diri kamu sendiri pasangan (isteri), dan dijadikan bagi kamu daripada pasangan kamu: anak-anak dan cucu-cicit, serta dikurniakan kepada kamu daripada benda yang baik lagi halal; maka patutkah mereka (yang engkar itu) percaya



kepada perkara yang salah (penyembahan berhala), dan mereka kufur pula akan nikmat Allah?”

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Islam adalah agama yang sangat mementingkan pembentukan masyarakat dan pembinaan tamadun insan. Demikian juga pembinaan jati diri sebagai khalifah melalui zuriat yang soleh bagi mentadbir bumi dengan baik. Tambahan pula Baginda SAW sendiri menggalakkan agar menikahi wanita yang mampu melahirkan zuriat keturunan yang ramai supaya menjadi kebanggaan Baginda di akhirat. Sabda Baginda SAW:

تَزَوَّجُوا الْوَدُودَ الْوَلُودَ، فَإِنِّي مُكَاثِّرٌ بِكُمْ الْأَنْبِيَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: “Nikahilah Wanita yang penyayang lagi subur kerana Aku bangga dengan banyaknya umat-Ku pada hari kiamat kelak.”

﴿Hadis Riwayat Abu Daud﴾

Terdapat tiga faktor utama yang menyebabkan masyarakat tertarik dengan budaya *childfree*:

Faktor ekonomi rumahtangga merupakan faktor utama. Keresahan berkaitan kewangan yang perlu dibelanjakan sepanjang proses penjagaan anak sering menjadi alasan. Namun, mungkin kita terlupa bahawa setiap anak dilahirkan dengan peruntukkan rezeki masing-masing. Allah SWT menyusun dan mentadbir rezeki kita dan anak. Firman Allah SWT dalam Surah al-Isra' ayat 31:

وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ خَشْيَةَ إِمْلَاقٍ نَحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ إِنَّ قَتْلَهُمْ كَانَ خِطْئًا كَبِيرًا ﴿٣١﴾



Maksudnya: “Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kemiskinan; Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan yang besar.”

Manakala faktor kedua ialah keinginan untuk bebas dari sebarang tanggungjawab menjaga atau mendidik anak. Seterusnya faktor budaya kerja dan persekitaran yang sangat padat dan kekangan masa untuk keluarga, juga menjadi punca mereka memilih konsep *childfree* ini.

MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Anak-anak juga merupakan sumber pahala yang berterusan kerana setiap perbelanjaan untuk anak dan keluarga pasti akan dinilai sebagai kebaikan. Perkara ini dibuktikan melalui sabda Baginda SAW :

دِينَارٌ أَنْفَقْتَهُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَدِينَارٌ أَنْفَقْتَهُ فِي رَقَبَةٍ، وَدِينَارٌ تَصَدَّقْتَ بِهِ عَلَى مَسْكِينٍ، وَدِينَارٌ أَنْفَقْتَهُ عَلَى أَهْلِكَ، أَعْظَمُهَا أَجْرًا الَّذِي أَنْفَقْتَهُ عَلَى أَهْلِكَ

Maksudnya: “Dinar (harta) yang kamu belanjakan di jalan Allah dan dinar yang kamu berikan kepada hamba (untuk membebaskan) dan dinar yang kamu sedekahkan kepada orang miskin serta dinar yang kamu nafkahkan kepada keluargamu. Maka yang paling besar ganjaran pahalanya adalah yang kamu nafkahkan kepada keluargamu”.

(Hadis Riwayat Muslim)

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Antara kesan jangka panjang utama yang boleh berlaku apabila budaya *childfree* ini berterusan ialah, kegagalan pembentukan kelompok



masyarakat yang berkualiti dan robohnya institusi kekeluargaan yang harmoni.

Tenaga kerja produktif juga akan semakin berkurangan terutamanya untuk meneruskan budaya, tradisi dan pembangunan negara di masa hadapan. Tenaga mahir bagi meneruskan peranan sebagai khalifah di muka bumi juga akan rapuh serta hilang sifat kasih sayang dan ihsan di kalangan masyarakat.

Tentunya bergaul dan bermesra dengan anak dan keluarga akan melahirkan generasi penyayang dan ingin dikasihi.

Budaya *childfree* ini juga bertentangan dengan tujuan perkahwinan bagi melahirkan zuriat yang soleh serta menjaga keturunan dari tercemar. Bahkan pensyariatan ini selaras dengan salah satu kecenderungan fitrah semulajadi manusia iaitu memiliki keturunan dan keluarga.

MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Ibu-bapa yang bersungguh-sungguh mendidik anak mendapat pujian istimewa sebagaimana Allah SWT memuji Nabi Ismail ‘*alaihissalam* kerana usaha baginda dalam mendidik anak. Firman Allah SWT dalam Surah Maryam ayat 55:

وَكَانَ يَأْمُرُ أَهْلَهُ بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ وَكَانَ عِنْدَ رَبِّهِ مَرْضِيًّا ﴿٥٥﴾

Maksudnya: “Dan adalah ia menyuruh keluarganya mengerjakan solat dan mengeluarkan zakat dan ia pula adalah seorang yang diredhai di sisi Tuhannya.”



Sebelum khatib mengakhiri khutbah pada hari ini, mari kita hayati kemuncak motivasi bagi kelebihan memiliki anak. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Barangsiapa diuji dengan anak perempuan, lalu dia membesarkannya dengan baik (menjaga hak-haknya), maka anak-anak tersebut akan menjadi perisai buatnya daripada api neraka." (Hadis Riwayat Ahmad)

Ayuh kita berpegang pada panduan Al-Quran dan Sunnah agar keharmonian masyarakat dapat dikekalkan. Sebarang budaya dan amalan yang akan membawa kepada kebinasaan hendaklah dijauhkan agar zuriat dan keturunan dipelihara oleh Allah SWT.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sebagai kesimpulan khutbah pada hari ini mimbar menggariskan tiga perkara utama:

Pertama: Budaya *childfree* pada hakikatnya bertentangan dengan naluri semulajadi insan dan berpotensi menjadi penghalang kepada pembentukan masyarakat harmoni.

Kedua: Anak dan zuriat merupakan amanah dan nikmat Allah SWT kepada hamba-Nya maka hendaklah kita memeliharanya dengan penuh tanggungjawab.

Ketiga: Sentiasa mempelajari ilmu dan mendalaminya agar tidak mudah terpengaruh dengan budaya dan akidah yang bertentangan dengan syarak.

Firman Allah dalam Surah al-Furqan ayat 74:

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾



Maksudnya: “Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata: “Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh daripada isteri-isteri dan zuriat keturunan kami, perkara yang menyukakan hati melihatnya dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang yang (mahu) bertaqwa.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهَدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،
أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





Khutbah Kedua

(Khas Sempena Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan Tahun 2024)

2024M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِحُجَّتِهِ،

وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَىٰ رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Sedarlah bahasawanya setiap pekerjaan yang halal, sekecil mana sekalipun, jika dilakukan dengan niat yang ikhlas dan cara yang betul dikira sebagai ibadah. Ini termasuklah para penjaja dan peniaga kecil yang bukan sahaja menjadi penyumbang ekonomi malah berkhidmat kepada masyarakat.

Perniagaan yang jujur, adil lagi amanah tanpa meninggalkan ketaatan pada Allah, akan mendatangkan rezeki yang berkat.



Perniagaan bukan semata-mata untuk keuntungan duniawi namun ia juga menjadi asbab mencapai redha Ilahi.

Justeru, sebagai tanda sokongan kepada golongan penjaja kecil terutamanya, marilah sama-sama kita memeriahkan **Karnival Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan Tahun 2024** bermula 1 hingga 3 November 2024 di PICCA Convention Centre, Butterworth, Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ،

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ
وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Khadijah Mohd Noor.



اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالزُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat Pulau Pinang dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf Pulau Pinang. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.

Ya Allah! Berkatilah usaha dan rezeki kami, jadikanlah kami golongan yang jujur dalam perniagaan atau apa sahaja pekerjaan serta masukkanlah kami ke dalam golongan yang memperoleh keberkatan di dunia dan akhirat.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٥٢﴾

